



Rujukan Kami : SUKJ.BKP.100-1/7/1 JLD.2 (3)
Tarikh : 1 Julai 2018

Pegawai Daerah Johor Bahru
Pegawai Daerah Muar
Pegawai Daerah Batu Pahat
Pegawai Daerah Segamat
Pegawai Daerah Kluang
Pegawai Daerah Pontian
Pegawai Daerah Kota Tinggi
Pegawai Daerah Mersing
Pegawai Daerah Tangkak
Pegawai Daerah Kulai

Tuan,

**PEKELILING AM KERAJAAN JOHOR BILANGAN 3 TAHUN 2018
DASAR PERJAWATAN KETUA KAMPUNG NEGERI JOHOR**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

... 2. Bersama-sama ini dilampirkan **Pekeling Am Kerajaan Johor Bil. 3 Tahun 2018 Dasar Perjawatan Ketua Kampung Negeri Johor** untuk makluman dan perhatian Tuan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”



(DATO' HAJI AZMI BIN ROHANI)

Setiausaha Kerajaan Johor

- s.k : i) Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pengurusan)
ii) Ketua Setiausaha Sulit Kepada YAB Menteri Besar Johor
Pejabat Menteri Besar Johor

DHAR/DHBHK/neas-PekAm3.2018



PEKELILING AM KERAJAAN JOHOR BILANGAN 3 TAHUN 2018

DASAR PERJAWATAN KETUA KAMPUNG NEGERI JOHOR

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan dan menjelaskan dasar dan peraturan baru yang perlu diikuti oleh Pegawai Daerah dan Jabatan yang berkaitan di dalam menetapkan kriteria, kaedah, syarat-syarat pelantikan dan penamatan jawatan Ketua Kampung, penentuan elaun, keistimewaan dan kemudahan-kemudahan yang patut diberikan, penentuan panduan tugas dan tanggungjawab serta lain-lain langkah untuk memperkuuhkan institusi Ketua Kampung di Negeri Johor.

2. KRITERIA PELANTIKAN

- 2.1 Ketua Kampung hendaklah terdiri daripada mereka yang beragama Islam dan berketurunan Melayu kecuali kampung-kampung yang asalnya diketuai oleh Ketua Kampung yang bukan Melayu.
- 2.2 Berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional (SPMV) dari Sekolah Menengah/ Menengah Teknik/ Vokasional atau lain-lain kelulusan yang setaraf dengannya.
- 2.3 Kelayakan lain yang seumpamanya, walaupun tidak mempunyai kelulusan seperti (2.2) di atas, tetapi pandai membaca dan menulis serta mempunyai sifat-sifat ketaqwaan pada dirinya, maka permohonan tersebut boleh dipertimbangkan.

- 2.4 Bukan dari kalangan Kakitangan Kerajaan yang sedang berkhidmat.
- 2.5 Umur tidak kurang dari 25 tahun dan tidak lebih daripada 65 tahun.
- 2.6 Bermastautin di kampung berkenaan.
- 2.7 Tiada rekod jenayah.
- 2.8 Aktif dan cergas dalam gerakan-gerakan, pertubuhan-pertubuhan, persatuan dan kerja-kerja amal serta menunjukkan ketokohan kepimpinan dalam bidang kemasyarakatan.
- 2.9 Mendapat kepercayaan dan penghormatan daripada majoriti penduduk kampung.
- 2.10 Mempunyai kesihatan fizikal dan mental.
- 2.11 Mempunyai sifat-sifat taqwa.

3. CARA-CARA PELANTIKAN

- 3.1 Apabila berlaku kekosongan jawatan Ketua Kampung, Pegawai Daerah dikehendaki mengumumkan kepada orang ramai yang bermastautin di kampung tersebut untuk memohon jawatan itu. Permohonan hendaklah menggunakan borang yang disediakan sebagaimana di **Lampiran I**.
- 3.2 Setelah diterima permohonan-permohonan tersebut, sesi temu duga hendaklah dijalankan seterusnya dibentangkan dan dibincangkan di dalam "Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pemilihan Ketua Kampung" yang dianggotai oleh Pegawai Daerah sebagai pengurus dan ahli-ahlinya terdiri daripada Ketua Penolong Pegawai Daerah/ Penolong Pegawai Daerah, Kadi Daerah, Penghulu-penghulu dan Pegawai Kerajaan lain yang difikirkan sesuai oleh Pegawai Daerah.

- 3.3 Pegawai Daerah akan membuat akuan kepada YB Setiausaha Kerajaan Johor berpandukan kepada keputusan “Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pemilihan Ketua Kampung” tersebut.
- 3.4 YB Setiausaha Kerajaan Johor pula akan memajukan akuan di atas kepada YAB Menteri Besar Johor untuk keputusan muktamad.
- 3.5 Setelah menerima keputusan tersebut daripada YB Setiausaha Kerajaan Johor, Pegawai Daerah dikehendaki membuat pengisytiharan secara rasmi di kampung berkenaan, sebaik-baiknya di Masjid selepas sembahyang Jumaat.

4. IKRAR PERKHIDMATAN

- 4.1 Ketua Kampung yang telah dilantik dikehendaki membaca ikrar Perkhidmatan di hadapan Pegawai Daerah dan orang ramai mengikut ikrar sebagaimana di **Lampiran II**. Surat “Pelantikan Bagi Jawatan Ketua Kampung” yang baru sebagaimana di **Lampiran III** akan disampaikan kepada Ketua Kampung berkenaan setelah membaca Ikrar Perkhidmatan.

5. PENILAIAN SEMULA

- 5.1 Penilaian semula hendaklah dibuat lima (5) tahun sekali. Pegawai Daerah hendaklah mengemukakan perkauan kepada Kerajaan untuk penyambungan perkhidmatan.
Walau bagaimanapun, YAB Menteri Besar Johor berkuasa dalam keadaan dan ketika mana juu pun menamatkan perkhidmatan Ketua-ketua Kampung jika difikirkan ianya tidak layak/mampu lagi memegang jawatannya.

6. TEMPOH TAMAT PERKHIDMATAN

- 6.1 Ketua Kampung akan tamat tempoh perkhidmatan apabila berumur genap 65 tahun.

Walau bagaimanapun, Ketua Kampung yang berumur lebih daripada 65 tahun boleh dipertimbangkan untuk perlanjutan perkhidmatan daripada 65 tahun kepada 70 tahun dengan hanya membuat sekali sahaja permohonan iaitu enam (6) bulan sebelum tamat tempoh perkhidmatan had umur 65 tahun. Ia tertakluk kepada tahap kesihatan Ketua Kampung tersebut yang perlu disahkan oleh pakar perubatan hospital Kerajaan serta mendapat sokongan pemimpin setempat.

7. PELETAKAN JAWATAN SEBAGAI KETUA KAMPUNG

- 7.1 Ketua Kampung dalam keadaan-keadaan tertentu, boleh meletakkan jawatan sebagai Ketua Kampung secara sukarela dengan syarat beliau telah memberitahu Pegawai Daerah secara bertulis berkenaan peletakan jawatan tersebut.
- 7.2 Pegawai Daerah hendaklah mengambil tindakan dengan membuat lantikan baru mengikut Pekeliling ini bagi mengisi kekosongan jawatan Ketua Kampung tersebut.
- 7.3 “Dalam keadaan tertentu” boleh ditafsirkan sebagai kurang atau sudah tidak berminat untuk memegang jawatan Ketua Kampung sakit, uzur dan kurang upaya dari segi mental dan jasmani.

8. ELAUN, KEISTIMEWAAN DAN KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN

8.1 ELAUN

- 8.1.1 Elaun Bulanan Ketua-ketua Kampung adalah sebanyak RM500.00 sebulan diperuntukkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) manakala tambahan RM200.00 diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Johor.
- 8.1.2 Ketua-ketua Kampung diberi elaun dan saguhati bersara, setelah tamat perkhidmatan atau meninggal dunia semasa dalam tempoh perkhidmatan (dengan syarat mereka telah dapat memberi perkhidmatan yang baik). Elaun dan saguhati tersebut dikira pada kadar RM50.00 X genap bulan perkhidmatan dengan bayaran minimum sebanyak RM1,000.00.
Bayaran ganjaran ini adalah terhad sepanjang tempoh perkhidmatan sehingga had umur 65 tahun sahaja.
- 8.1.3 Elaun Harian bagi Ketua-ketua Kampung kerana menghadiri mesyuarat/ urusan rasmi/ upacara rasmi/ kursus setiap kali dijemput/ diarahkan dengan bersurat oleh Kerajaan/ Pegawai Daerah adalah sebanyak RM50.00 sehari.
- 8.1.4 Elaun Lojing bagi Ketua-ketua Kampung kerana menghadiri mesyuarat/ urusan rasmi/ upacara rasmi/ kursus setiap kali dijemput/ diarahkan dengan bersurat oleh Kerajaan atau Pegawai Daerah (dengan syarat penginapan tidak disediakan oleh penganjur) adalah sebanyak RM40.00 satu malam.

- 8.1.5 Elaun Tanggung Kerja sebanyak RM200.00 sebulan boleh dibayar kepada Ketua-ketua Kampung/ orang yang dilantik oleh Pegawai Daerah yang menanggung tugas Ketua Kampung lain sehingga lantikan baru dibuat.
- 8.1.6 Elaun Tahunan Bantuan Alatulis RM100.00 kepada Ketua-ketua Kampung.
- 8.1.7 Tuntutan Perbelanjaan bagi Ketua-ketua Kampung kerana mengadakan Mesyuarat Majlis Pengurusan Ketua Kampung (MPKK) hendaklah dibayar tidak melebihi RM100.00 sekali mesyuarat dan tidak melebihi dua belas (12) kali setahun. Tuntutan tersebut hendaklah dikemukakan berserta minit mesyuarat yang telah dihadiri.
- 8.1.8 Buku Harian Rasmi Kerajaan hendaklah dibekalkan kepada Ketua-ketua Kampung.
- 8.1.9 Ketua-ketua Kampung juga diberi elaun tambang teksi untuk seorang atau yang sejumlah dengannya setiap kali dijemput dengan bersurat untuk menghadiri mesyuarat dan upacara rasmi Kerajaan oleh Pegawai Daerah.

8.2 KEMUDAHAN RAWATAN / KESIHATAN

- 8.2.1 Ketua-ketua Kampung diberi kemudahan rawatan Kelas II di Hospital Kerajaan. Kemudahan ini juga meliputi isteri dan anak-anak serta anak angkat di bawah tanggungan Ketua-ketua Kampung dengan kadar Kerajaan Kelas II.

8.3 TAMBANG HAJI PERCUMA

Ketua Kampung boleh dipertimbangkan untuk diberi tambang haji percuma mengikut syarat-syarat berikut:

- 8.3.1 Jika Ketua-ketua Kampung tersebut berusia bawah 40 tahun sewaktu dilantik maka kelayakan menerima tambang haji adalah selepas 15 tahun berkhidmat untuk tambang seorang dan selepas 25 tahun berkhidmat untuk tambang suami isteri.
- 8.3.2 Jika umur Ketua-ketua Kampung tersebut lebih 40 tahun sewaktu dilantik, maka kelayakan menerima tambang hajinya adalah 10 tahun berkhidmat untuk tambang seorang dan selepas 25 tahun berkhidmat untuk tambang suami isteri.
- 8.3.3 Jika mereka yang layak menerima tambang haji percuma adalah ramai, maka keutamaan hendaklah diberikan kepada yang lebih tua dan lama berkhidmat.
- 8.3.4 Pengurniaan tambang percuma ini perlulah menunjukkan pemilihan yang seimbang bagi semua daerah.

9. PANDUAN TUGAS

- 9.1 Tugas dan tanggungjawab Ketua Kampung adalah seperti berikut:

- 9.1.1 Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK)
 - 9.1.2 Menyampaikan, menerangkan serta menjalankan dengan segala upayanya perintah dan dasar-dasar Kerajaan.

- 9.1.3 Menggerakkan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) untuk mencapai penggembelengan tenaga dan jiwa rakyat di kampung demi kemajuan serta kesejahteraan mereka di dunia dan di akhirat.
- 9.1.4 Mengambil segala langkah dan berikhtiar untuk mendapatkan sepenuh kerjasama penduduk kampung.
- 9.1.5 Berikhtiar bagi menggalakkan dan meningkatkan semangat bekerja kuat, rajin dan usaha serta berdikari.
- 9.1.6 Memberitahu Penghulu Mukim dan Balai Polis yang berdekatan jika ada berlaku kematian yang menimbulkan syak di kampungnya.
- 9.1.7 Memberitahu Pegawai Daerah, Penghulu Mukim dan Pejabat Kesihatan jika ada berlaku penyakit yang berjangkit di kampungnya.
- 9.1.8 Memberitahu Penghulu dan Balai Polis yang berdekatan jika ada pihak yang melakukan atau disyaki melakukan apa-apa kesalahan jenayah di bawah undang-undang Kanun Keseksaan, kesalahan-kesalahan merosakkan tali air, empangan, harta awam dan lain-lain lagi.
- 9.1.9 Jika dilantik dengan bertulis oleh Pengerusi Majlis Agama Islam Negeri Johor sebagaimana yang diperuntukkan oleh Seksyen 20 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003, Ketua Kampung hendaklah bertindak bagi menyiasat dan menangkap tanpa waran kesalahan-kesalahan di bawah Enakmen Jenayah Syariah 1997 Negeri Johor.
- 9.1.10 Memantau dan melaporkan segala aktiviti keagamaan di kampungnya.

- 9.1.11 Memberitahu Penghulu Mukim dan Pejabat Tanah, jika ada pencerobohan dilakukan ke atas tanah-tanah Kerajaan di kampungnya.
- 9.1.12 Menolong dan bekerjasama dengan Pegawai-pegawai Kerajaan yang dating bekerja di kampungnya jika pertolongan dan kerjasama dikehendaki oleh mereka.
- 9.1.13 Memberitahu Penghulu Mukim dan Pejabat Tanah di atas kematian penduduk-penduduk di kampungnya yang ada meninggalkan harta dan menolong waris-waris si mati jika dikehendaki.
- 9.1.14 Menasihatkan penduduk kampungnya supaya membersihkan kampung halaman dan menjaga kesihatan mereka.
- 9.1.15 Menggalakkan penduduk kampung supaya mendapatkan rawatan di rumah sakit Kerajaan dan menggunakan klinik-klinik dan bidan-bidan Kerajaan.
- 9.1.16 Bertanggungjawab supaya bermuafakat dan bekerjasama dengan Ketua-ketua Kampung lain yang ada di dalam mukim dengan Penghulu Mukim.
- 9.1.17 Menjalankan kerja dengan adil, timbang rasa dan bermuafakat dengan penduduk-penduduk kampung dan apa-apa kerja dijalankan hendaklah bagi faedah umum.
- 9.1.18 Bertanggungjawab bagi menyampaikan dan meninggikan Syiar Islam.

10. LANGKAH-LANGKAH MEMPERKUKUHKAN INSTITUSI KETUA KAMPUNG

10.1 Taklimat, Latihan/ Panduan Cara-cara Menjalankan Tugas dan Ikrar Tahunan.

- 10.1.1** Ketua-ketua Kampung perlulah diberikan pendedahan yang lebih luas mengenai masalah-masalah yang berhubung kait dengan penduduk terutama mengenai masalah ekonomi, agama, kepimpinan dan kemasyarakatan. Peluang-peluang hendaklah diberikan bagi mereka untuk menghadiri kursus-kursus, taklimat-taklimat dan latihan-latihan yang berkaitan supaya mereka lebih mampu untuk memimpin masyarakat.
- 10.1.2** Satu perjumpaan Ketua-ketua Kampung dengan YAB Menteri Besar Johor diadakan setahun sekali sebagai satu penghormatan kepada Ketua Kampung, disebalik dapat menjalinkan perhubungan yang lebih rapat antara pemerintah dengan pelaksana di peringkat akar umbi. Selain itu, Ketua-ketua Kampung juga diminta memperbaharui ikrar taat setia dan menjalankan tugas-tugas dan kewajipan di hadapan YAB Menteri Besar Johor sebagaimana yang ditunjukkan di Lampiran II.

10.2 Sistem Penilaian Ketua Kampung

- 10.2.1** Untuk menentukan bahawa Ketua-ketua Kampung menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan sempurna, Pegawai Daerah perlu mengadakan satu sistem penilaian tahunan bagi Ketua-ketua Kampung tersebut. Penilaian ini membolehkan Pegawai Daerah sebagai Pengerusi Jawatankuasa Khas Pemilihan Ketua Kampung membuat syor penamatan perkhidmatan Ketua Kampung dalam tempoh lima (5) tahun. Borang disediakan sebagaimana di **Lampiran IV**.

10.2.2 Kriteria-kriteria berikut boleh dijadikan panduan:

- 10.2.2.1 Akhlak/ Personaliti (perangai, gaya berbicara, kesopanan secara keseluruhan serta ciri-ciri positif keagamaan seperti amanah, taqwa dan lain-lain).
- 10.2.2.2 Mutu kerja (kebolehan menggembangkan tenaga penduduk kampung ke arah perpaduan serta kemauafakatan di dalam semua bidang kegiatan).
- 10.2.2.3 Minat terhadap kerja (kecenderungan, kesungguhan dan kesanggupan melaksanakan tugas).
- 10.2.2.4 Kebolehpercayaan (sama ada boleh atau tidak diharap untuk menyelesaikan tugas yang diberi dengan jayanya).
- 10.2.2.5 Komunikasi (kebolehan bertindak sendiri mencari idea-idea baru untuk meningkatkan prestasi tanpa bimbingan dan pengawasan).
- 10.2.2.6 Inisiatif (kebolehan bertindak sendiri mencari idea-idea baru untuk meningkatkan prestasi tanpa bimbingan dan pengawasan).
- 10.2.2.7 Disiplin diri dan kerja (pematuhan kepada arahan Kerajaan, Pegawai Daerah dan Penghulu).
- 10.2.2.8 Kerjasama dengan Pegawai-pegawai/ Jabatan Kerajaan/ Penduduk kampung.

11. TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL OLEH PEGAWAI DAERAH

11.1 Mengenalpasti 3 Kategori Ketua Kampung.

Pegawai Daerah hendaklah mengenalpasti 3 kategori pelantikan:

11.1.1 Pelantikan baru kerana kekosongan/ tambahan jawatan

Pegawai Daerah bolehlah terus menjalankan tindakan mengikut Pekeliling ini.

11.1.2 Pelantikan semula/ penamatan kepada yang sedang berkhidmat

11.1.3 Ketua Kampung yang berumur lebih daripada 65 tahun boleh dipertimbangkan untuk perlanjutan perkhidmatan daripada 65 tahun kepada 70 tahun dengan hanya membuat sekali sahaja permohonan iaitu enam (6) bulan sebelum tamat tempoh perkhidmatan had umur 65 tahun. Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada tahap kesihatan Ketua Kampung tersebut yang perlu disahkan oleh pakar perubatan hospital kerajaan serta mendapat sokongan pemimpin setempat.

11.2 Surat Penghargaan

Ketua Kampung yang bersara atau yang ditamatkan perkhidmatannya akan diberikan satu surat penghargaan sebagaimana **Lampiran V**.

12. TARIKH KUATKUASA

Dasar dan peraturan-peraturan baru yang terkandung di dalam Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 2018 ini berkuatkuasa pada 1 Julai 2018. **Kemudahan ini juga dipanjangkan kepada Ketua-ketua Masyarakat yang dilantik.** Dengan ini, Pekeliling Am Kerajaan Johor Bil. 1 Tahun 2005 (Dasar Perjawatan Ketua Kampung Negeri Johor) adalah dibatalkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' HAJI AZMI BIN ROHANI)

Setiausaha Kerajaan Johor

28 Jun 2018

LAMPIRAN I

Kod Ketua Kampung :
(Untuk Kegunaan Pejabat)

GAMBAR
UKURAN
PASPORT

BORANG PERMOHONAN JAWATAN KETUA KAMPUNG

1. DAERAH :
2. MUKIM :
3. NAMA KAMPUNG : i) ii)
iii) iv)
v) vi)
vii) viii)
ix) x)
4. MAKLUMAT DIRI
 - i) Nama :
(HURUF BESAR)
 - ii) No. Kad Pengenalan :
Bil. Sijil Kerakyatan :
 - iii) Tarikh Lahir : Umur :
 - iv) Tempat Lahir :
 - v) Bangsa : Keturunan :
 - vi) Kebolehan bertutur : 1. Tulisan : 1.
2. 2.

vii) Taraf Perkahwinan (Bujang/ Berkahwin/ Duda) :

viii) Kediaman :

Alamat Tempat Tinggal :

.....
.....

Tempoh menetap di alamat di atas :

No. Telefon Rumah/ Telefon Bimbit :

5. MAKLUMAT PEKERJAAN

i) Pekerjaan Utama : Pendapatan :

ii) Pekerjaan Sampingan : Pendapatan :

6. MAKLUMAT KELUARGA/ TANGGUNGJAN

Nama	No. K/P	Umur	Persekolahan
i)
ii)
iii)
iv)
v)
vi)
vii)
viii)

7. TAHAP PENDIDIKAN

- i)
- ii)
- iii)

8. KEGIATAN DALAM MASYARAKAT

i) Jawatan yang dipegang dalam Pertubuhan, Persatuan dan Kerja Amal

- a)
- b)
- c)
- d)

9. LAIN-LAIN PENGALAMAN/ KURSUS YANG DIHADIRI

- i)
- ii)
- iii)
- iv)

10. MAKLUMAT PEMILIKAN HARTA – (Termasuk Pemilikan Isteri)

i) Harta Tak Alih (Contoh : Tanah, Rumah dan sebagainya)

Bil.	Jenis	No. Hakmilik	Lot	Mukim	Luas
1.					
2.					
3.					
4.					
5.					

ii) Harta Alih (Contoh : Kereta, Saham, Simpanan)

Bil.	Jumlah	Nilai
1.		
2.		
3.		
4.		
5.		

11. MAKLUMAT KESIHATAN :

.....
.....

12. PENGAKUAN

Saya akui bahawa keterangan di atas adalah benar.

Tarikh :

Tandatangan Pemohon

13. KENYATAAN PENGHULU

.....
.....
.....
.....
.....

Tarikh :

(Tandatangan Penghulu Mukim/
Cop Rasmi)

14. PERAKUAN JAWATANKUASA KHAS PEMILIHAN KETUA KAMPUNG

.....
.....
.....
.....
.....

Tarikh :

(Tandatangan Pegawai Daerah/
Cop Rasmi)

LAMPIRAN II

IKRAR PERKHIDMATAN KETUA KAMPUNG

BAHAWA ADALAH SAYA
YANG TELAH DILANTIK MENJADI SEORANG KETUA KAMPUNG BAGI
KAMPUNG
DI NEGERI JOHOR DENGAN SESUNGGUHNYA BERIKRAR BAHAWA
SAYA AKAN MENYEMPURNAKAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB
SAYA DENGAN TULUS IKHLAS SERTA:

1. BERPEGANG TEGUH KEPADA RUKUN NEGARA.
2. MENUMPAHKAN TAAT SETIA YANG TIDAK BERBELAH BAGI
KEPADА DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.
3. MELETAKKAN KESEJAHTERAAN DAN KESELAMATAN KAMPUNG
LEBIH DARI KEPENTINGAN DIRI.
4. BERKHIDMAT DENGAN PENUH DEDIKASI DAN KEJUJURAN.
5. BERSUNGGUH-SUNGGUH UNTUK MEMAJUKAN PEMIKIRAN DAN
PENGEMBELINGAN TENAGA PENDUDUK KE ARAH
PEMBANGUNAN DAN KESEJAHTERAAN KAMPUNG.
6. BEKERJASAMA DENGAN KERAJAAN DALAM USAHA
MEMBANTERAS SEGALA BENTUK SIKAP NEGATIF RAKYAT DAN
MUSUH-MUSUH NEGARA.
7. MELAKSANAKAN SEGALA TUGAS-TUGAS DAN
TANGGUNGJAWAB KETUA KAMPUNG YANG TELAH
DITETAPKAN.

.....
(TANDATANGAN KETUA KAMPUNG)



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْمُهَدَّلَه رَبُّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَوةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰهِ وَصَبَرَهُ اَجْمَعِينَ

سُورَةُ فَرْلَنْتِيَّثُنْ باكَيْ جُواَتِنْ كُتوَا كُونْغُوَغْ

پِهِرَاشْ اَدَالَه سَايِ دَاتِوَه حاجْ عَبْدِالْغَنِيِّ بْنِ عَثَمَانَ سَنْتَري بَسَرْ جَوَاهِرْ

دَشْنْ سَكِيَّتَانْ مَانْتِيَقْ
.....

سِنجَادِي كُتوَا كُونْغُوَغْ اَنْتَلَارَا
..... هَشْكْ

باكَيْ كُونْغُوَغْ ۲ يَشْتَرِسْبُوَه دِبَاوَه لِينْ :-

(6) (1)

..... (7) (2)

..... (8) (3)

..... (9) (4)


..... (10) (5)

دَالِيمْ مَقِيمْ دَالِيمْ مَقِيمْ

2. اولَه ایتْ اداَلَه بَزْ رَكْنَوْ شَوَّاَسْ كُواِجَانْ ۲ يَشْخِيتَاكْ
دِبَاوَه لِينْ :-

(ا) هَنْدَلَه سِنجَادِي فَشَروُسِي جُواَتِنْ كُواَسْ كِعاَجَوانْ دَانْ كَسْلَامَنْ كُونْغُوَغْ .

(ب) پِيَنْغِيَكْنْ، مَنْرَغِيَكْنْ سَرَتْ سِنجَالَنْكَنْ دَيْشْ اُونْفَايِثْ فَرِينَتَه دَانْ دَاصِرْ ۲ كِراَجَاعَنْ .



(ت) براوسها منتوکن نفای جواتنکواس کما جوان دان کسلامتن کمنوغ دکرتکن او نتوق
منچافی نهمبیشن تناک دان چیوارعیه دکمنوغ دمی کما جوان سرت کیسجهترامن مریلک
دانيا دان اخیره.

(ث) شبیل سکل لشکه دان برا اختیار او نتوق بنداللکن سنوه ۲ کرجسام فندردق کمنوغ.

(ج) برا اختیار باکی مشکاللکن دان سینیشکنکن سجائحة کرج قواه، راجین دان او سها سرت
بردیکاری.

(ج) مبیریتا هو فشهولو مقیم دان بالی فولیس یغیردکاتن جله اد برلاکو کماتین یبغشتکی
دکمنوغش.

(ح) مبیریتا هو فشهولو مقیم، فکاوی دامیره دان فجاہة کصیحاتن جله اد برلاکو پاگیة بیغ
برجشکیه دکمنوغ این.

(خ) مبیریتا هو فشهولو دان بالی فولیس یغیردکاتن جله اداوری ۲ بیغ ملاکوکن اتو دشقکی
ملاکوکن اف ۲ کسلاهن جنایه دباوه انداغ ۲ کانون کسپیساعن، کسلاهن ۲ سروستکن
تالیاير، اماغان هرت عوام دان لامین ۲ لاگنی.

(د) جله دلنتیق دشن بر تولیس اوله یغدفرتوا جباتن اکلام اسلام نکری جوهر هندقه
برتیندق باکی نپیاسه دان منٹک تتفا وارن کلینه کسلاهن ۲ دباوه ایدیشمن
فتتدیبرن اکلام نکری جوهر، بیلاشن ۱۴ تاھون ۱۹۷۸ سیکیمان یغدفر او نتوقکن
خوره سیشن ن ۳۸۱) ایشیتمن غربیجه.

(ز) مبیریتا هو فشهولو مقیم دان فجاہة تانه جله اذ فنچروین دلاکوکن کامتس تانه ۲
کراجاعن دکمنوغش.

(ر) سولیغ دان بکرجسام دشن فکاری ۲ کراجاعن بیغ داتئ بکرج دکمنوغش جله فر تولونش
دان کرجسام دکهندقکی اوله مریلک.



(ر) مېرىتاهو ئىھولو مقييم دان فجابة تانه داعتس كماتين فندودق ۲ دكمغۇش يىڭىزلىكىن
بىر دان بىنولۇغ وراتى ۲ سى ساتى جىك دىكەندىكى .

(س) منىچىتكىن فندودق كەنۋەش سناي مېرىسىيەكىن كەنۋەش ھلامن دان منجاڭىن كىچىغان
مېرىك .

(ش) مىڭالىتكىن فندودق كەنۋەش سفاي براوبە درومە ساکىيە كراجا奔 دان مىڭىرلەكىن
كلىنيق ۲ دان بىيدىن ۲ كراجا奔 .

(ص) بىر شەڭۈچۈجواب سفاي بىر موافقة دان بىكىرىجسام دىشنى ۲ كەنۋەش لائىن يىڭىز دىدالەم
مقييم دان دىشنى فىھولو مقييم .

(ض) منجاڭىن كىرج دىشنى عدىل ، تىمىپراس دان بىر موافقة دىشنى فندودق ۲ كەنۋەش دان اف ۲
كىرج دىجالىتكىن هەندىقلە دىشنى قايمىدە عام .

(ط) بىر شەڭۈچۈجواب ياكى مېھفييەكىن دان منىچىتكىن شعار اسلام .

بارىشىپرىكىتى الله سبحانه وتغالي اكن او سها كامىء ، امين .

14 تىرىمكتوب دجوھر بھارو فە ھارىپولن تاھۇن ھجرە
19 بىر سەھاتىن دىشنى ھارىپولن تاھۇن مەسيحى

ادالە ساي
مەڭاكىو بىر خەمە دىشنى سپايىيەكىن ۲ دان بىر شەڭۈچۈ
دالم جواتىن يىغىدرىت شەڭۈچۈجوابكىن كايعتس ساي اين)

تىنداڭاتىش

LAPORAN PENILAIAN PRESTASI KHAS
KETUA KAMPUNG
TAHUN 20.....

TUJUAN LAPORAN :

A. BUTIR-BUTIR PERSENDIRIAN KETUA KAMPUNG
(Bahagian ini hendaklah diisi oleh Ketua Kampung)

1. NAMA :
2. NO. KAD PENGENALAN :
3. TARikh LAHIR : UMUR
4. ALAMAT TEMPAT TINGGAL :
5. NO TELEFON :
a) Rumah :
- b) Telefon Bimbit :
6. A) PEKERJAAN UTAMA :
- B) PEKERJAAN SAMPINGAN :
7. TANGGUNGJAN : ORANG
8. TAHAP PENDIDIKAN :
9. KEGIATAN DALAM MASYARAKAT :
 - 1)
 - 2)
 - 3)
10. LAIN-LAIN PENGALAMAN/KURSUS:
 - 1)
 - 2)
 - 3)

TANDATANGAN PEGAWAI YANG DINILAI

B.

PENILAI PRESTASI KETUA KAMPUNG YANG DINILAI

Pegawai Penilai hendaklah menandakan (/) dalam mana-mana kotak yang disediakan.

1. Akhlak/Personaliti (perangai, gaya berbicara, kesopanan secara keseluruhan serta ciri-ciri positif keagamaan seperti amanah, taqwa dan lain-lain).

1	2	3	4	5	6	7
---	---	---	---	---	---	---

2. Mutu kerja (kebolehan menggembangkan tenaga penduduk ke arah perpaduan serta kemauafakan di dalam semua bidang kegiatan)

1	2	3	4	5	6	7
---	---	---	---	---	---	---

3. Minat terhadap kerja (kecenderungan, kesungguhan dan kesanggupan melaksanakan tugas)

1	2	3	4	5	6	7
---	---	---	---	---	---	---

4. Kebolehpercayaan (samaada boleh atau tidak diharap untuk menyelesaikan tugas yang diberi dengan jayanya)

5. Komunikasi (kebolehan menyampaikan buah fikiran dengan jelas dan teratur)

1	2	3	4	5	6	7
---	---	---	---	---	---	---

6. Inisiatif (kebolehan bertindak sendiri mencari idea-idea baru untuk meningkatkan prestasi tanpa bimbingan dan pengawasan).

1	2	3	4	5	6	7
<input type="text"/>						

7. Disiplin diri, dan kerja (pematuhan kepada arahan Kerajaan, Pegawai Daerah dan Penghulu).

1	2	3	4	5	6	7
<input type="text"/>						

8. Kerjasama dengan Pegawai-Pegawai/Jabatan Kerajaan/Penduduk Kampung

1	2	3	4	5	6	7
<input type="text"/>						

1 = Tidak Memuaskan,
3 = Sederhana
5 = Baik
7 = Cemerlang

2 = Kurang Memuaskan,
4 = Memuaskan
6 = Sangat Baik

E. **TEGURAN DAN PERAKUAN PEGAWAI PENILAI SEMULA**

(Bahagian ini hendaklah diisi oleh Pegawai Penilai Semula – Pegawai Daerah)


.....
TANDATANGAN PEGAWAI PENILAI SEMULA

NAMA PENUH :

**NO KAD
PENGENALAN** :

JAWATAN :

TARIKH :



کلہان نگرے یہ جوہر دار المظید

فوجیت منیری بسدر
جوہر

کند
کواں کنفع
مقید
دائرہ

ھٹ

تیغ فوجہ فوجہ مائن دری

کلہان نگرے یہ جوہر دار المظید معوجقکن سستیشکی ۲ تیہا
کاسیہ والں فوجہ مائن چمیش یغتلہ قوان بریکن کند کلہان
دان رعیت نگرے یہ جوہر دار المظید
کلہان نگرے دعن سوکچیات پیغیکن فغمہ کان تھادف
سکل سوم باعن دان جاس یغتلہ قوان بریکن دعن طاعت دان
ستیاد سف سچ تیغہ فوجہ مائن ایت

سرو اف الہ سیحانہ و تعالیٰ مبارکاتی او سہا ۲ یغتلہ قوان سومیعکن ایت

ادالہ سای دعن حرمائش